



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

اونيورسيتي فنديديقن سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

**GARIS PANDUAN PENERIMAAN TESIS DAN DISERTASI
BERTEKS PENUH DI DALAM FORMAT DIGITAL
SECARA *SELF DEPOSIT*
KE REPOSITORI INSTITUSI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

Revisi 1.0.20210106 (Rev. 4)

1. TUJUAN

Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan dan panduan dalam penerimaan tesis dan disertasi pengajian pasca siswazah di dalam format digital secara *self deposit* untuk repositori institusi (IR) Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

2. LATAR BELAKANG

2.1 Perpustakaan Tuanku Bainun (PTB) mula menerima tesis dan disertasi pelajar Pasca Siswazah pada tahun 2013 dalam bentuk salinan keras dan CD.

2.2 Sehingga kini, tiada garis panduan yang lengkap bagi memastikan penerimaan tesis dan disertasi pelajar Pasca Siswazah di dalam format digital untuk dimuatkan secara *self deposit* ke dalam IR menepati piawaian yang diperlukan bagi sebuah dokumen digital.

2.3 Berdasarkan keperluan di dalam perbincangan di dalam Mesyuarat Pegawai Ikhtisas Perpustakaan Tuanku Bainun Bil 01/2020 yang menyatakan PTB akan bergerak untuk penerimaan di dalam format digital sahaja bagi tesis dan disertasi daripada pihak Institut Pengajian Siswazah (IPS) menjelang 2021.

3. TAFSIRAN

3.1 “Dokumen digital” merujuk kepada tesis atau disertasi teks penuh di dalam format Portable Document Format (PDF) yang lengkap sepertimana hantaran di dalam format salinan keras.

3.2 “Repositori Institusi atau IR” merujuk kepada sistem simpanan teks penuh dokumen digital yang dihoskan oleh PTB.

- 3.3 “Pelajar” merujuk kepada pelajar Pasca Siswazah iaitu pelajar Sarjana bagi mod pengajian A dan B sahaja serta pelajar Doktor Falsafah.
- 3.4 “Metadata” merujuk kepada maklumat bibliografik bahan dokumen digital seperti nama pengarang, bidang pengajian dan lain-lain maklumat yang diperlukan oleh IR.
- 3.5 “*Self Deposit*” merujuk kepada pelajar akan memuatnaik sendiri bahan dokumen digital ke dalam IR yang disediakan dan mengikut kaedah yang telah ditetapkan.
- 3.6 “Warga UPSI” merujuk kepada staf atau kakitangan yang masih aktif belajar atau berkhidmat di UPSI.

4. PROSES PENERIMAAN SECARA *SELF DEPOSIT*

4.1 Pendaftaran

- 4.1.1 Pelajar perlu mendaftar ke dalam sistem yang telah diberikan URL terlebih dahulu dan log masuk selepas pendaftaran.

4.2 *Self Deposit*

- 4.2.1 Pelajar mengisikan semua metadata dokumen digital di dalam borang dalam talian yang disediakan serta memberikan perakuan penyerahan mengenai status dokumen digital kepada pihak perpustakaan secara dalam talian.
- 4.2.2 Surat akaun penulisan tesis/disertasi yang ditandatangani perlu diimbis untuk dimuatnaik bersama-sama dokumen digital.
- 4.2.3 Pelajar akan memuatnaik dokumen digital mengikut ketetapan berikut:

- 4.2.3.1 Dokumen digital berformat PDF yang dihasilkan di dalam bentuk satu fail induk lengkap yang menyerupai hantaran salinan keras.
 - 4.2.3.2 Dokumen digital tidak boleh disulitkan dengan sebarang bentuk kaedah penyulitan (*encryption*).
 - 4.2.3.3 Dokumen digital hendaklah tidak disetkan dengan kata laluan
 - 4.2.3.4 Dokumen digital mestilah di dalam bentuk boleh cetak semula dan disimpan semula (*save*).
 - 4.2.3.5 Dokumen digital tidak boleh diletakkan dengan sebarang bentuk *watermark*
 - 4.2.3.6 Dokumen digital tidak boleh disetkan dengan tarikh akhir (*expiration date*) bagi menghalang proses pembacaan dan pengeditan.
- 4.2.4 Pelajar akan mendapat emel pengesahan sekiranya proses *self deposit* selesai dilakukan.

4.3 Penerimaan

- 4.3.1 PTB akan membuat semakan terhadap dokumen digital yang diterima daripada pelajar.
- 4.3.2 PTB akan menghantar emel penolakan sekiranya dokumen digital tidak menepati keperluan IR. Pelajar perlu memuatnaik semula dokumen digital atau membuat pembetulan terhadap metadata.

4.3.3 PTB akan menghantar emel penerimaan sekiranya dokumen digital menepati keperluan IR. Surat penerimaan di dalam format digital akan diemel kepada pelajar.

4.3.4 PTB akan melakukan pemprosesan tambahan yang diperlukan untuk memuatnaik dokumen digital berkenaan ke dalam IR berdasarkan persetujuan di dalam borang penyerahan bahan digital.

4.4 Akses

Bahan digital yang siap diproses boleh diakses menerusi IR secara dalam talian mengikut kaedah akses yang telah ditetapkan iaitu:

4.4.1 hanya warga UPSI boleh mengakses bahan digital berkenaan.

4.4.2 bagi dokumen digital berstatus akses terbuka, ianya boleh diakses menggunakan IR dengan atau tanpa mekanisme pengesahan log masuk mengikut keperluan dokumen.

4.4.3 bagi dokumen digital berstatus sulit dan terhad, ianya hanya boleh diakses dengan log masuk yang disahkan.

4.4.4 akses terhadap dokumen digital dari muka surat pertama (*title page*) sehingga bab pertama boleh diakses secara terus tanpa log masuk (*public access*).

5. TANGGUNGJAWAB IPS

5.1 Memastikan setiap pelajar mengetahui keperluan untuk menghantar tesis atau disertasi kepada perpustakaan selepas disahkan Tamat Pengajian secara *self-deposit*.

- 5.2 Memastikan pelajar menyerahkan tesis atau disertasi kepada perpustakaan secara *self-deposit* sebelum penyerahan surat Tamat Pengajian / Transkrip / Skrol dibuat.
- 5.3 Menerima salinan maklumat penerimaan tesis atau disertasi pelajar selepas dokumen digital mereka selesai disahkan oleh PTB.

6. TANGGUNGJAWAB PTB

- 6.1 Memberi penerangan kepada pelajar baharu dan mengeluarkan infografik/panduan/video mudah untuk memuatnaik secara *self deposit* ke dalam IR.
- 6.2 Memproses dokumen digital pelajar dan mengeluarkan maklumat akuan penerimaan kepada pelajar dan pihak IPS.
- 6.3 Memproses dan menyediakan kemudahan akses dokumen digital seperti di dalam perkara 4.4
- 6.4 Memastikan pembangunan dan peningkatupayaan sistem berterusan dari segi aspek keselamatan dokumen di dalam IR daripada unsur salah guna, hakcipta dan akses tanpa kebenaran.

7. TARIKH KUATKUASA

- 7.1 Garis panduan ini berkuatkuasa mulai 1 Jan 2021.

8. RUJUKAN

- 8.1 NISO Framework Working Group. "A Framework of Guidance for Building Good Digital Collections". 3rd. ed. Baltimore: National Information Standards Organization (NISO), 2007.
<https://www.niso.org/sites/default/files/2017-08/framework3.pdf>
- 8.2 Perbincangan Penyelarasan Tesis/Disertasi Pelajar Master dan PhD ke Perpustakaan Tuanku Bainun antara IPS dan PTB, 5 Februari 2020
- 8.3 Minit Mesyuarat Penyelarasan Tesis/Disertasi Pelajar Master dan PhD ke Perpustakaan Tuanku Bainun antara IPS dan PTB, 13 Julai 2020
- 8.4 Emel Cadangan Pelarasan Ayat untuk Garis Panduan Penerimaan Tesis dan Disertasi secara eSubmit, 5 Januari 2021.